

# **AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 (AKTA 333)**

## **PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (KENDERAAN BERGERAK PERLAHAN) (LARANGAN KE ATAS PENGGUNAAN JALAN) (BANDARAYA KUALA LUMPUR) 1994**

### **P.U.(A)400/1994**

#### **SENARAI PINDAAN :**

<b>BIL.</b>	<b>PINDAAN</b>	<b>TARIKH</b>	<b>CATITAN</b>
<b>1</b>	<b>P.U.(A)409/1995</b>		
<b>2</b>	<b>P.U.(A)435/2008</b>		
<b>3</b>	<b>P.U.(A)21/2018</b>		
<b>4</b>			
<b>5</b>			
<b>6</b>			
<b>7</b>			
<b>8</b>			

## P.U. (A) 400.

## AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (KENDERAAN BERGERAK  
PERLAHAN) (LARANGAN KE ATAS PENGGUNAAN JALAN)  
(BANDARAYA KUALA LUMPUR) 1994

BAHAWASANYA melalui pemberitahuan *Warta* No. 6273 yang disiarkan pada 23hb Jun 1994, notis telah diberi mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(2) Akta *Akta 333*, Pengangkutan Jalan 1987:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Dato Bandar Kuala Lumpur terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, Dato Bandar Kuala Lumpur, setelah berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara-perkara yang tersebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Kenderaan Bergerak Perlahan) (Larangan ke atas Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) 1994.** Nama.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“berat dengan muatan” mempunyai makna yang sama seperti dalam Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959; L.N. 170/59.

“kenderaan bergerak perlahan” ertinya apa-apa kenderaan, selain daripada basikal roda tiga dan beca roda tiga perdagangan, yang tidak dibenarkan dipandu di jalan awam melebihi sepuluh batu sejam dan termasuklah tangki minyak atau air, lori balak, lori yang berat dengan muatannya melebihi tiga tan, traktor, treler, jengkaut pengalih tanah, jentolak dan Kereta lembu;

“pusat bandar” ertinya kawasan yang disempadani oleh Jalan Tun Razak, Jalan Yew, Jalan Sungai Besi, Jalan Lapangan Terbang Lama, Jalan Istana dan Lebuhraya Mahameru.

3. Memandu kenderaan bergerak perlahan pada waktu-waktu yang dinyatakan dalam Jadual Pertama di jalan-jalan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua adalah dilarang. Larangan.

- Pengecualian* 4. Kenderaan-kenderaan yang ialah harta Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun yang menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri adalah dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan Perintah ini.
- Pemansuhan  
P U (A) 380/72* 5. Perintah (Kereta Berjalan Lambat) (Sekatan Penggunaan Jalan) Kuala Lumpur 1972 adalah dimansuhkan.

## JADUAL PERTAMA

- Pagi ... 7.00 pagi hingga 9.30 pagi
- Petang ... 4.00 petang hingga 6.00 petang

## JADUAL KEDUA

Jalan-jalan yang baginya larangan terpakai pada waktu-waktu yang dinyatakan pada waktu pagi dan petang—

1. Semua jalan di dalam pusat bandar
2. Jalan Tun Razak
3. Jalan Yew
4. Jalan Sungai Besi kecuali dari sempadan Kuala Lumpur hingga Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban
5. Jalan Lapangan Terbang Lama
6. Jalan Istana
7. Lebuhraya Mahameru
8. Jalan Segambut
9. Jalan Kuching
10. Jalan Ipoh—dari bulatan Kampung Batu hingga Jalan Tun Razak
11. Jalan Sentul
12. Jalan Kampung Bandar Dalam
13. Jalan Gombak—dari Jalan Kampung Bandar Dalam hingga Jalan Pahang
14. Jalan Pahang
15. Jalan Semarak
16. Jalan Datuk Keramat
17. Jalan Ampang

18. Jalan Loke Yew
19. Jalan Kuchai Lama—dari Jalan Kelang Lama hingga simpang jalan sambungan ke Lebuhraya Kuala Lumpur–Seremban
20. Jalan Pantai Bahru
21. Jalan Bangsar
22. Jalan Damansara—dari Jalan Kepong hingga Jalan Semantan
23. Jalan Semantan
24. Jalan Maarof
25. Jalan Tenteram
26. Lebuhraya Kuala Lumpur–Seremban—dari Jalan Sungai Besi hingga Persimpangan Bertingkat Salak
27. Jalan Kampung Pandan
28. Jalan Syed Putra
29. Jalan Kelang Lama—dari simpang Jalan Syed Putra hingga simpang Lebuhraya Persekutuan

Jalan-jalan yang baginya larangan terpakai, menghala ke pusat bandar pada waktu-waktu yang dinyatakan pada waktu pagi dan mana-mana satu hala pada waktu-waktu yang dinyatakan pada waktu petang—

1. Jalan Kepong
2. Jalan Ipoh—dari bulatan Kepong hingga Jalan Batu Caves
3. Lebuhraya Karak
4. Jalan Gombak—dari Jalan Kampung Bandar Dalam hingga sempadan Kuala Lumpur
5. Jalan Genting Kelang
6. Jalan Cheras—dari Jalan Pudu hingga Jalan Tenteram
7. Jalan Sungai Besi—dari Jalan Kuchai Lama hingga Lebuhraya Kuala Lumpur–Seremban
8. Jalan Kelang Lama—dari Lebuhraya Persekutuan hingga Jalan Kuchai Lama

Dibuat pada 20hb September 1994.  
[JHEU 2/37/76B PT. VII; PN. (PU<sup>2</sup>) 460/V.]

DATO' DR MAZLAN BIN AHMAD,  
*Dato Bandar Kuala Lumpur*

## ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (SLOW MOVING VEHICLES) (PROHIBITION  
ON USE OF ROAD) (CITY OF KUALA LUMPUR)  
ORDER 1994

Act 333

WHEREAS by *Gazette* Notification No. 6273 published on the 23rd June 1994, notice was given of the intention to make an order under subsection 70(2) of the Road Transport Act 1987:

AND WHEREAS no objection was received by the Dato Bandar Kuala Lumpur against the making of such an order:

NOW, THEREFORE, in exercise of the powers conferred by subsection 70(1) of the Road Transport Act 1987, the Dato Bandar Kuala Lumpur, after consultation with the Director General for Road Transport and after taking into consideration the matters referred to in subsection 70(2) of the Act, makes the following order:

Citation.

1. This order may be cited as the **Road Transport (Slow Moving Vehicles) (Prohibition on Use of Road) (City of Kuala Lumpur) Order 1994.**

Interpretation.

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

“city centre” means the area bounded by Jalan Tun Razak, Jalan Yew, Jalan Sungai Besi, Jalan Lapangan Terbang Lama, Jalan Istana and Lebuhraya Mahameru;

L.N. 170/59.

“laden weight” has the same meaning as in the Motor Vehicles (Construction and Use) Rules 1959;

“slow moving vehicle” means any vehicle, other than trade tricycle and trishaw, which is not allowed to be driven on public road in excess of ten miles per hour and includes oil or water tanker, timber lorry, lorry the laden weight of which exceeds three tonnes, tractor, trailer, earth moving excavator, bulldozer and bullock cart.

Prohibition.

3. The driving of slow moving vehicle during the hours specified in the First Schedule on the roads specified in the Second Schedule is prohibited.

Exemption.

4. Vehicles which are the property of the Federal or State Government or of any local authority or statutory body exercising powers vested in it by Federal or State law shall be exempted from the provisions of this Order.

Repeal.  
P.U. (A) 380/72.

5. The Kuala Lumpur (Slow Moving Vehicles) (Restriction on Use of Road) Order 1972 is repealed.

## FIRST SCHEDULE

Morning	...	7.00 a.m. to 9.30 a.m.
Afternoon	...	4.00 p.m. to 6.00 p.m.

## SECOND SCHEDULE

Roads to which the prohibition applies during the hours specified in the morning and afternoon—

1. All roads within the city centre
2. Jalan Tun Razak
3. Jalan Yew
4. Jalan Sungai Besi except from the boundary of Kuala Lumpur to the Kuala Lumpur–Seremban Expressway
5. Jalan Lapangan Terbang Lama
6. Jalan Istana
7. Mahameru Expressway
8. Jalan Segambut
9. Jalan Kuching
10. Jalan Ipoh—from Kampung Batu roundabout to Jalan Tun Razak
11. Jalan Sentul
12. Jalan Kampung Bandar Dalam
13. Jalan Gombak—from Jalan Kampung Bandar Dalam to Jalan Pahang
14. Jalan Pahang
15. Jalan Semarak
16. Jalan Datuk Keramat
17. Jalan Ampang
18. Jalan Loke Yew
19. Jalan Kuchai Lama—from Jalan Kelang Lama to the junction of the road leading to the Kuala Lumpur–Seremban Expressway.
20. Jalan Pantai Bahru
21. Jalan Bangsar
22. Jalan Damansara—from Jalan Kepong to Jalan Semantan
23. Jalan Semantan
24. Jalan Maarof
25. Jalan Tenteram
26. Kuala Lumpur–Seremban Expressway—from Jalan Sungai Besi to the Salak Interchange

27. Jalan Kampung Pandan
28. Jalan Syed Putra
29. Jalan Kelang Lama—from the junction of Jalan Syed Putra to the junction of Federal Highway

Roads to which the prohibition applies, on the way to the city centre during the hours specified in the morning and on either way during the hours specified in the afternoon—

1. Jalan Kepong
2. Jalan Ipoh—from the Kepong roundabout to Jalan Batu Caves
3. Karak Highway
4. Jalan Gombak—from Jalan Kampung Bandar Dalam to the boundary of Kuala Lumpur
5. Jalan Genting Kelang
6. Jalan Cheras—from Jalan Pudu to Jalan Tenteram
7. Jalan Sungai Besi—from Jalan Kuchai Lama to Kuala Lumpur-Seremban Expressway
8. Jalan Kelang Lama—from Federal Highway to Jalan Kuchai Lama

Made the 20th September 1994.  
[JHEU 2/37/76B PT. VII; PN. (PU<sup>2</sup>) 460/V.]

DATO' DR MAZLAN BIN AHMAD,  
*Dato Bandar Kuala Lumpur*

**P.U.(A) 409/95**





MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 39  
No. 24

**23hb November 1995**

*TAMBAHAN No. 77  
PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 409.**

**AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987**

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (KENDERAAN BERGERAK  
PERLAHAN) (LARANGAN KE ATAS PENGGUNAAN JALAN)  
(BANDARAYA KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 1995**

BAHAWASANYA melalui pemberitahuan *Warta* No. 5361 yang disiarkan pada 3 Ogos 1995, notis telah diberi mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987: Akta 333

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Dato Bandar Kuala Lumpur terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, Dato Bandar Kuala Lumpur, setelah berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara-perkara yang tersebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Kenderaan Bergerak Perlahan) (Larangan Ke Atas Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) (Pindaan) 1995.** Nama

Pindaan  
perenggan 2.  
P.U. (A) 400/94

2. Perintah Pengangkutan Jalan (Kenderaan Bergerak Perlahan) (Larangan Ke Atas Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) 1994 yang disebut "Perintah ibu" dalam Perintah ini adalah dipinda dalam perenggan 2 dengan menggantikan takrif "kenderaan bergerak perlahan" dengan takrif yang berikut:

"Kenderaan bergerak perlahan" ertinya apa-apa kenderaan, selain daripada basikal roda tiga dan beca roda tiga perdagangan yang tidak dibenarkan dipandu di jalan awam melebihi sepuluh batu sejam, dan termasuklah tangki minyak atau air, lori balak atau lori yang berat dengan muatannya melebihi lima tan, traktor, treler, jenkaut pengalih tanah, jentolak dan kereta lembu; '.

Pindaan  
perenggan 3.

3. Perenggan 3 Perintah ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Jadual Pertama" perkataan "kecuali hari Ahad dan hari kelepasan am".

Dibuat 24 Oktober 1995.  
[JHEU2/37/76B PT VIII; PN. (PU<sup>2</sup>) 460/VII.]

DATO' DR MAZLAN BIN AHMAD,  
Dato Bandar Kuala Lumpur

#### ROAD TRANSPORT ACT 1987

#### ROAD TRANSPORT (SLOW MOVING VEHICLES) (PROHIBITION ON USE OF ROAD) (CITY OF KUALA LUMPUR) (AMENDMENT) ORDER 1995

Act 333

WHEREAS by *Gazette* Notification No. 5361 published on 3 August 1995, notice was given of the intention to make an order under subsection 70(2) of the Road Transport Act 1987:

AND WHEREAS no objection was received by the Dato Bandar Kuala Lumpur against the making of such an order:

NOW, THEREFORE, in exercise of the powers conferred by subsection 70(1) of the Road Transport Act 1987, the Dato Bandar Kuala Lumpur, after consultation with the Director General for Road Transport and after taking into consideration the matters referred to in subsection 70(2) of the Act, makes the following order:

Citation.

1. This order may be cited as the **Road Transport (Slow Moving Vehicles) (Prohibition On Use of Road) (City of Kuala Lumpur) (Amendment) Order 1995.**

Amendment  
of paragraph 2.  
P.U. (A) 400/94

2. The Road Transport (Slow Moving Vehicles) (Prohibition On Use of Road) (City of Kuala Lumpur) Order 1994 which in this Order is referred to as the "principal Order" is amended in paragraph 2 by substituting for the definition of "slow moving vehicle" the following definition:

"slow moving vehicle" means any vehicle, other than trade tricycle and trishaw which is not allowed to be driven on a public

---

road in excess of ten miles per hour, and includes oil or water tanker, timber lorry or lorry the laden weight of which exceeds five tonnes, tractor, trailer, earth moving excavator, bulldozer and bullock cart. '.

3. Paragraph 3 of the principal Order is amended by inserting after the words "First Schedule" the words "except on Sundays and public holidays". Amendment of paragraph 3.

Made 24 October 1995.

[JHEU2/37/76B PT VIII; PN. (PU<sup>2</sup>) 460/VII.]

DATO' DR MAZLAN BIN AHMAD,  
*Dato Bandar Kuala Lumpur*

**P.U.(A) 435/08**

**P.U. (A) 435.****AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987**

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (KENDERAAN BERGERAK PERLAHAN) (LARANGAN KE ATAS PENGGUNAAN JALAN) (BANDARAYA KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 2008

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 398/2008 yang disiarkan pada 13 Oktober 2008, notis telah diberi mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Dato Bandar Kuala Lumpur terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, Dato Bandar Kuala Lumpur, selepas berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara-perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Kenderaan Bergerak Perlahan) (Larangan Ke Atas Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) (Pindaan) 2008**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 28 November 2008.

**Pindaan Jadual Pertama**

2. Perintah Pengangkutan Jalan (Kenderaan Bergerak Perlahan) (Larangan Ke Atas Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) 1994 [*P.U. (A) 400/1994*] dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan Jadual yang berikut:

## JADUAL PERTAMA

Pagi	...	6.30 pagi hingga 9.30 pagi
Petang	...	4.30 petang hingga 7.30 petang

Dibuat 30 Oktober 2008  
[JHEU2/37/76 (B) PT. XIII; PN(PU<sup>2</sup>)-160/LV]

DATO' AB. HAKIM BIN BORHAN  
*Dato Bandar Kuala Lumpur*

## ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (SLOW MOVING VEHICLES) (PROHIBITION ON USE OF ROAD)  
(CITY OF KUALA LUMPUR) (AMENDMENT) ORDER 2008

WHEREAS by P.U. (B) 398/2008 published on 13 October 2008, notice was given of the intention to make an order under subsection 70(2) of the Road Transport Act 1987 [*Act 333*];

AND WHEREAS no objection was received by the Dato Bandar Kuala Lumpur against the making of such an order;

NOW, THEREFORE, in exercise of the powers conferred by subsection 70(1) of the Road Transport Act 1987, the Dato Bandar Kuala Lumpur, after consultation with the Director General for Road Transport and after taking into consideration the matters referred to in subsection 70(2) of the Act, makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Road Transport (Slow Moving Vehicles) (Prohibition on Use of Road) (City of Kuala Lumpur) (Amendment) Order 2008**.

(2) This Order shall come into operation on 28 November 2008.

**Amendment of First Schedule**

2. The Road Transport (Slow Moving Vehicles) (Prohibition on Use of Road) (City of Kuala Lumpur) Order 1994 [*P.U. (A) 400/1994*] is amended by substituting for the First Schedule the following Schedule:

## FIRST SCHEDULE

Morning	...	6.30 a.m. to 9.30 a.m.
Afternoon	...	4.30 p.m. to 7.30 p.m.

Made 30 October 2008  
[JHEU2/37/76 (B) PT. XIII; PN(PU<sup>2</sup>)460/LV]

DATO' AB. HAKIM BIN BORIHAN  
*Dato Bandar Kuala Lumpur*

**P.U.(A) 21/18**

**P.U. (A) 21.****AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987**

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (KENDERAAN BERGERAK PERLAHAN)  
(LARANGAN KE ATAS PENGGUNAAN JALAN) (BANDARAYA  
KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 2018

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 6/2018 yang disiarkan pada 9 Januari 2018, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan diterima oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta, Datuk Bandar Kuala Lumpur, selepas berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Kenderaan Bergerak Perlahan) (Larangan ke atas Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) (Pindaan) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 7 Februari 2018.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Pengangkutan Jalan (Kenderaan Bergerak Perlahan) (Larangan ke atas Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) 1994 [P.U. (A) 400/1994], yang disebut "Perintah ibu" dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2, dalam takrif "kenderaan bergerak perlahan", dengan menggantikan perkataan "tangki minyak atau air, lori balak, lori yang berat dengan muatannya melebihi tiga tan, traktor, treler, jengkaut pengalih tanah, jentolak dan kereta lembu" dengan perkataan "motokar berat, traktor berat, traktor ringan, jentera bergerak berat, jentera bergerak ringan dan treler, sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 5(1) Akta".

**Pindaan Jadual Kedua**

3. Jadual Kedua kepada Perintah ibu dipinda, berhubung dengan jalan-jalan yang baginya larangan terpakai pada waktu-waktu yang dinyatakan pada waktu pagi dan petang, dengan memasukkan selepas butiran 29 butiran yang berikut:

"30. Jalan Tuanku Abdul Halim".

Dibuat 30 Januari 2018

[DBKL/JUP/BPPP/37/76 (B)(JLD. 18); PN(PU2)460/XCIV]

DATUK SERI HJ. MHD. AMIN NORDIN BIN ABD. AZIZ  
Datuk Bandar Kuala Lumpur



## ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (SLOW MOVING VEHICLES) (PROHIBITION ON USE OF ROAD)  
(CITY OF KUALA LUMPUR) (AMENDMENT) ORDER 2018

WHEREAS by P.U. (B) 6/2018 published on 9 January 2018, notice was given of the intention to make an order under section 70 of the Road Transport Act 1987 [*Act 333*]:

AND WHEREAS no objection was received by the Commissioner of the City of Kuala Lumpur against the making of such order:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by section 70 of the Act, the Commissioner of the City of Kuala Lumpur, after consultation with the Director General for Road Transport and after taking into consideration the matters referred to in subsection 70(2) of the Act, makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Road Transport (Slow Moving Vehicles) (Prohibition on Use of Road) (City of Kuala Lumpur) (Amendment) Order 2018**.

(2) This Order comes into operation on 7 February 2018.

**Amendment of paragraph 2**

2. The Road Transport (Slow Moving Vehicles) (Prohibition on Use of Road) (City of Kuala Lumpur) Order 1994 [*P.U. (A) 400/1994*], which is referred to as the "principal Order" in this Order, is amended in paragraph 2, in the definition of "slow moving vehicle", by substituting for the words "oil or water tanker, timber lorry, lorry the laden weight of which exceeds three tones, tractor, trailer, earth moving excavator, bulldozer and bullock cart" the words "motor cars heavy, tractors heavy, tractors light, mobile machinery heavy, mobile machinery light and trailers, as specified in subsection 5(1) of the Act".

**Amendment of Second Schedule**

3. The Second Schedule to the principal Order is amended, in relation to the roads to which the prohibition applies during the hours specified in the morning and afternoon, by inserting after item 29 the following item:

"30. Jalan Tuanku Abdul Halim".

Made 30 January 2018  
[DBKL/JUP/BPPP/37/76(B)(JLD.18); PN(PU2)460/XCIV]

DATUK SERI HJ. MHD. AMIN NORDIN BIN ABD. AZIZ  
*Commissioner of the City of Kuala Lumpur*